

Peraturan Puteri Umno tidak boleh bercanggah perlembagaan

BH 3 . JUL 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Semua cadangan bagi penetapan peraturan serta penstrukturan semua parti yang membabitkan penubuhan Puteri Umno tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Umno.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata jika cadangan yang dikemukakan didapati bercanggah dengan perlembagaan, beberapa pindaan terpaksa dilakukan.

Beliau yang mempengerusikan Jawatankuasa Peraturan dan Penstrukturan Semula parti berkata, untuk meminda peraturan, satu perhimpunan agung khas perlu diadakan.

“Ini tentunya akan memakan masa sedangkan penajaan Puteri Umno sudah pun bermula, malah Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkannya bulan depan,” katanya ketika diminta mengulas mengenai status peraturan dan penstrukturan semula parti berikutan penubuhan Puteri Umno.

Muhyiddin berkata, jawatankuasa terabit akan mengambil pendekatan yang lebih mudah dan memastikan tidak ada pindaan dibuat ke atas perlembagaan parti.

Katanya, pada masa ini, iawatankuasa sedang mempertimbangkan beberapa cadangan yang dikemukakan, termasuk daripada Puteri dan Wanita Umno.

Beliau berkata, pelbagai aspek perlu diambil kira dalam menentukan peraturan dan penstrukturan semula itu.

“Selain perlembagaan, ada beberapa perkara lain perlu diambil kira dan ini kita sedang kaji. Bukan semua cadangan Puteri Umno kita kena setuju. Kita kena kaji pandangan daripada pihak lain dan Wanita Umno.

“Sebagai contoh, Puteri Umno ada cadangkan kepada kita supaya setiap ahli yang berumur 18 tahun automatik masuk Puteri Umno dan kemudiannya apabila sampai tempoh tertentu mereka menjadi Wanita Umno.

“Saya pasti mungkin perkara ini tidak dipersetujui oleh Wanita Umno kerana umur dan keahlian bukanlah perkara yang utama dan perlu beri perhatian. Rasanya lebih baik Puteri Umno memberi tumpuan kepada cabaran yang bakal mereka hadapi bukannya isu yang lain,” katanya.